

Penularan COVID-19

Keluarga terjejas terima bantuan

Agihan langkah ringan beban, pastikan bekalan makanan semua pihak mencukupi

Kuala Lumpur: Penduduk yang terjejas pendapatan mereka akibat penularan COVID-19 di negara ini mula menerima bantuan di agihkan pelbagai pihak termasuk sumbangan kerajaan negeri, bagi meringankan beban ditanggung.

Di Johor Bahru, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Zaiton Ismail, berkata kerajaan negeri mengagihkan bantuan khas bekalan makanan kepada lebih 20,000 penerima menerusi peruntukan diumumkan Menteri Besar, Datuk Hasni Muhammad, minggu lalu.

Katanya, bantuan khas kepada golongan keluarga terjejas yang hilang mata pencarian atau tidak dibayar gaji sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) itu dikuatkuasakan sejak 18 Mac lalu.

Bantuan khas bekalan makanan ini diagihkan kepada lebih 20,000 keluarga di setiap 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor. Ada juga DUN yang selesaie mengagihkan bermula Isnin lalu.

"Di Kawasan saya di Sungai Balang, Muar seramai 158 keluarga atau penerima terjejas sudah mendapat bantuan khas keperluan makanan itu membabitkan peruntukan RM15,800.

"Baki peruntukan RM4,200 pula bagi pembelian cecair pembasmi kuman untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan di Muar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Minggu lalu, Kerajaan Johor bersetuju memberi peruntukan RM20,000 kepada semua 56 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini bagi bantuan khas bekalan makanan kepada keluarga terjejas akibat PKP.

Zaiton berkata, proses mengumpul nama penerima bantuan khas bekalan makanan keluarga terjejas menerusi peruntukan Majlis Agama Islam Negeri

Johor (MAINJ) pula sedang berjalan dan dianggarkan lebih 20,000 penerima.

Di Melaka, penggal kubur antara penerima sumbangan keperluan harian Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di kampung Bertam Ulu, semalam.

Jawatankuasa Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kampung Bertam Ulu, Na'im Hashim, berkata penggal kubur terbabit, Jalol Wahab, 62, antara 10 penerima bantuan keperluan harian bukan dalam kalangan asnaf kategori B40. Katanya, bantuan itu diharap dapat meringankan beban Jalol yang isterinya baru saja menjalani pembedahan kanser payudara.

"Kerja Jalol hanya menggalik cubur dan mengambil upah membersihkan serta meracun kebun penduduk, tetapi kini terjejas akibat PKP," katanya.

MAIM meluluskan tambahan RM100,000 bagi bantuan kecemasan (makanan) bukan kategori asraf, tetapi dalam kategori B40.

Di Shah Alam, peniaga nasi lemak, Mohd Nasir Othman, 57, mengakui dia tiada sumber pendapatan sejak 18 Mac lalu sehingga kini dan bersyukur mendapat bantuan keperluan asas bernilai RM100 daripada NGO, Al-It'sam Relief Program.

"Saya bukan penerima zakat, tetapi kini amat memerlukan bantuan kewangan bagi membayar



AJK Masjid Al Sultan Abdullah menyusun makanan untuk disumbangkan kepada asnaf dan mereka yang terputus belakar di pekarangan Masjid Al-Sultan Abdullah di pekan Masjid Tanah, semalam.

(Foto Hassan Omar/BH)

sewa rumah, tetapi bernasib baik sebab pemilik rumah memahami keadaan saya yang sudah menyewa sejak 12 tahun lalu.

"Setiap hari saya dapat jualan kasar RM200 hingga RM300 untuk membayar sekolah anak, sewa rumah, bil dan makan minum serta modal niaga. Sekarang ia tidak cukup untuk tumpang semua.

"Alhamdulillah, semalam (kelmarin) saya terima bantuan keperluan asas seperti beras, tepung, bilum, minyak masak, rempah, sardin, garam, kicap serta teh yang dapat meringankan beban kami sekeluarga," katanya.

Ibu tunggal yang juga pembantu restoran, Suriati Sueb, 45, pula berkata, kehidupan amat sukar kerana dia pekerja bergaji hari.

"Saya dapat gaji RM50 sehari atau kira-kira RM1,700 termasuk kerja lebih masa untuk menanggung giga anak bersekolah dan keperluan harian.

"Saya memang terima bantuan RM350 bagi sewa rumah oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), tetapi ketiadaan gaji menyurkar kehidupan. Saya bersyukur Al-It'sam memberi bekalan makanan untuk keluarga," katanya.

Sementara itu, di Alor Setar, peniaga pasar malam, Nooraimey

Othman, 41, terpaksa mencatut makanan dan memasak bubur nasi kerana bekalan beras hambar habis.

Katanya, keluarganya kini terputus mata pencarian dan terpaksa berharap ihsan saudara-mara serta bantuan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk terus hidup.

"Saya masak sekali sehari dengan hanya satu lauk untuk anak. Ada kala saya masak bubur nasi sebab tiga anak kerap makan berulang hingga malam," katanya.

Nooraimey berkata, dia buntu mencari duit bagi membeli barang keperluan lain berikut wang bantuan LZNK RM500 sebulan diguna bagi keperluan perubatan suami yang mengidap strok dan hamip buta, manakala anak bongsu berusia tujuh tahun pula menghidap autism.

"Saya membayar sewa rumah RM350 sebulan dan tidak tahu mencari duit kerana perlu mematuhi PKP dan berharap ada bantuan kerajaan selepas ini," katanya.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Jeniang, Kuala Muda, Mohd Sofri Mohamad, 59, pula berbeka kerajaan negeri diminta

menambah bantuan bekalan makanan kepada setiap Pusat Khidmat DUN kerana ramai memerlukannya sekarang.

Ini kerana, bantuan keperluan asas disalurkan kepada Pusat Khidmat DUN semalam tidak mencukupi selepas ramai penduduk meminta bantuan makanan.

"Saya menerima aduan Pusat Khidmat DUN Gurun meminta 25 set makanan asas kerana kira-kira 200 keluarga penoreh getah memerlukannya," katanya.

Pengerusi MPKK Kampung Empat, Pokok Sena, Mohd Khairul Ashraf Din, 29, turut mengaku lebih 50 penduduk kampungnya yang juga pesawat memerlukan bantuan makanan sedangkan pihatunya hanya menerima 25 set makanan asas.

Sabtu lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, mengumumkan peruntukan RM21 juta termasuk RM10 juta khusus bagi paket rangsangan ekonomi sebagai inisiatif bagi menangani penularan COVID-19 dan daripada jumlah itu, RM3.6 juta untuk keperluan asas turut disalurkan kepada 36 Pusat Khidmat DUN seluruh negeri.



Penghulu Mukim Sri Menanti Muar, Muhammad Aidil Aziz Hanafi (dua dari kiri) mengagihkan bantuan khas di kawasan pentadbirannya.

(Foto Ihsan Pejabat Penghulu)



Mohd Nasir (kiri) menerima sumbangan keperluan asas disumbangkan Ketua Pegawai Eksekutif Al-It'sam, Moh Shah Sapiei di Shah Alam, semalam.

(Foto Ihsan Al-It'sam)



‘Saya hilang rezeki’

Individu terjejas akibat PKP dapatkan bantuan daripada NGO

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Hilang punca pendapatan secara tiba-tiba susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendesak pekerja bergaji harian, peniaga gerai, penjaja jalanan mendapatkan bantuan dari badan bukan kerajaan (NGO).

Kebanyakan mereka lebih selesa meminta bantuan dari NGO kerana merasakan masih ramai asnaf yang lebih layak memerlukan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Peniaga nasi lemak, Mohd Nasir Othman, 57 mengakui dia tiada sumber pendapatan sejak 18 Mac lalu sehingga kini.

“Saya bukan penerima zakat, tetapi dalam keadaan sekarang saya amat memerlukan bantuan termasuk kewangan bagi membayar sewa rumah, cuma nasib saya baik sebab pemilik rumah memahami keadaan saya sebab saya sudah menyewa di sini sejak 12 tahun lalu.

“Kalau diikutkan setiap hari saya dapat jualan kasar RM200 hingga RM300, saya niaga lima hari seminggu. Duit itulah untuk sekolah anak, bayar sewa, serta bil juga makan minum dan modal niaga.

Sekarang memang tidak cukup untuk tampung itu semua,” katanya.

“Saya akui tiada sumber pendapatan sejak 18 Mac lalu sehingga kini
Mohd Nasir

Dia melahirkan kesyururan apabila mendapat bantuan keperluan asas bernilai RM100 daripada sebuah NGO, Al-I'tisam Relief Program.

“Alhamdulillah semalam saya terima bantuan keperluan asas seperti beras, tepung, bijun, minyak masak, rempah, sardin, garam, kicap serta Teh, sekurang-kurangnya dapat meringankan beban kami se-

keluarga,” katanya yang berniaga dan tinggal di TTDI Jaya, Shah Alam di sini.

Sementara itu, bagi pembantu sebuah restoran, Surianti Sueb, 45 pula, sebagai ibu tunggal kehidupan amat sukar kerana dia adalah pekerja bergaji hari.

“Saya dapat gaji RM50 sehari, sebulan termasuk kerja lebih masa, Alhamdulillah dapat RM1,700, itulah saya guna untuk membesarangkan tiga anak semua bersekolah, makan pakai, bil dan perbelanjaan lain,” katanya.



Wabak penyakit tukar gaya kerja



ILMU KEJURUTERAAN
DARIPADA AL-QURAN

DR MUHIDIN ARIFIN

Lipatan sejarah Malaysia terukir catatan baharu apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan rentetan pandemik Koronavirus 2019 (Covid-19). Semua diarah bekerja di rumah kecuali bidang kritikal. Ransanya sejak zaman Darurat bermula pada 1948, Malaysia belum pernah alami situasi begini. Orang ramai berpusu-pusu keluar membuat *panic buying*.

Bagi penulis, kesannya turut dirasa apabila diarahkan bekerja dari rumah. Pada masa yang sama, seorang teman bercerita kepada penulis pengalamannya melakukan *telemarketing* pada masa PKP. Laptop tertinggal di rumah dan bekerja menggunakan telefon bimbit. Kekok rasanya. Penulis merasakan sudah sampai masanya kerajaan memikirkan cara bekerja yang baharu dalam melaksanakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Kita sebenarnya memerlukan teknologi data raya (*big data*) untuk analisis teknologi *Artificial Intelligence* (kecerdasan buatan) untuk mengenal pasti maklumat peribadi secara terperinci seperti nama, alamat rumah, pejabat, jenis darah, lokasi penyebaran. Teknologi pengecaman wajah mengikut sistem *augmented reality* (AR) diperlukan bagi mengintegrasikan data ke dalam sistem secara pukal.

Isu yang amat penting sekarang ialah bekerja dari rumah. Jelas sekali PKP telah memberikan definisi dan landskap baharu kepada gaya bekerja di Malaysia. Ramai yang terperangkap di rumah tanpa membuat persediaan rapi. Semua kerja yang perlu disiapkan tersimpan dalam data pada desktop di pejabat. Data tersebut tidak tersambung pada telefon bimbit. Bagi yang pintar teknologi, mereka mungkin boleh menyambungkan data berkenaan kepada telefon bimbit atau komputer riba di

rumah.

PKP juga mengingatkan majikan tentang keberadaan di pejabat bukan lagi satu isu. Pada 12 Julai tahun lalu, penulis telah mengupas tentang isu teknologi canggih memudahkan proses sesuatu pembinaan, pembuatan, pengilangan atau inovasi berkualiti. Teknologi terkini dianggap pentulu kejayaan sesebuah organisasi untuk berdaya saing dan meneruskan kelangsungan hidup.

Selama ini, gaya konvensional memerlukan kakitangan kerajaan, swasta atau sektor perlindungan berafa di pejabat secara fizikal. Bekerja di rumah sebenarnya memerlukan satu persiapan yang rapi. Kita perlukan *working station* yang kondusif jika mahu hasilkan kerja berkualiti.

PKP kini mencabar isu keberadaan di pejabat dan pada masa yang sama, survival sesebuah syarikat swasta perlu diteruskan. Usaha universiti untuk mengambil pelajar baharu perlu diteruskan sekalipun PKP dilaksanakan. Di sinilah isu keberadaan bukan lagi satu persoalan yang penting, sebaliknya survival sebuah syarikat mestilah diutamakan jika masih mahu kekal lama di pasaran.

Bekerja di rumah sebenarnya memerlukan satu persiapan yang rapi.”

Mulai sekarang, kerajaan perlu memulakan inisiatif memperkenalkan skim bekerja dari rumah kerana pandemik seperti Covid-19 mungkin kembali berulang dalam 50 atau 100 tahun akan datang.

ALLAH sebenarnya telah mengajak manusia berfikir menerusi Al-Quran Surah At-Taubah [09:105] maksudnya: “Dan katakanlah: *Bekerjalah kamu, maka ALLAH dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (ALLAH) Yang Mengetahui akan yang ghairah dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.”*

Kesimpulannya PKP dan Covid-19 jelas memberikan definisi baharu tentang gaya bekerja kepada landskap pekerjaan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Syarikat yang mahu terus berdaya saing perlu segera bertindak jika mahu kekal lama.

* Ir Dr Muhidin Arifin ialah Pengarah Institut Kejuruteraan Sukan, Pusat Kecemerlangan Universiti Selangor



JUMAAT 27 MAC 2020 | www.sinarplus.sinarharian.com.my | https://www.facebook.com/sinar.tv/

Sinar ISLAM

'VIRUS' lupa diri

DIURNIAKAN kesenangan, dilimpahi dengan kemewahan dan diberikan kemudahan adakalanya membuatkan seseorang itu mudah mendabik dada dengan apa yang dimilikinya. Jika tidak dikawal, ia boleh membabitkan sifat lupa diri.

Umpama malapetaka terkena jangkitan Covid-19, virus lupa diri boleh menjebakkam seseorang alpa kepada ALLAH SWT, pemilik segala makhluk yang ada di langit dan di bumi. Na'uzubillah min zalik.

Sesungguhnya, sikap lupa diri itu dilarang keras dalam Islam. Ia sebagaimana firman ALLAH SWT:

"Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada ALLAH. lalu ALLAH menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri." (Surah al-Hasyr, 19)

Lupa diri bukan satu sifat yang biasa. Ia merupakan penyakit jiwa yang membahayakan empunya badan. Mereka yang lupakan ALLAH SWT di akhirat kelak akan dilupakan-NYA.

Apakah lagi natijah jika kita lupa diri? Kenapa waktu senang menjadikan kita mudah untuk jadi insan yang lupakan daratan? Bersama tiga orang agamawan melaikkan segala persoalan berkenaan pada Diskusi minggu ini.

//MS 22 & 23

SOAL JAWAB AGAMA
Beli kek watak kartun //MS 24

CENDEKIAWAN ISLAM
Ibnu Al-Syatir
ilmuan hebat //MS 25



'Hebatnya kamu, yakinnya kamu...'

ALLAH beri nikmat untuk uji hamba-NYA urus kelebihan dimiliki

JAUHI sifat lupa daratan dan kacang lupukan kulit kerana ia merupakan penyakit hati. - Gambar hiasan



Oleh NURULFATHA MUAH
 nurul.fathiha@sinarharian.com.my
 Foto: 123rf dan Freepik.com

JAKA disoroti lembaran sejarah, sikap lupa diri sudah ada dalam kalangan makhluk di muka bumi ini sejak beribu tahun lagi. Kisah insan yang bersikap demikian iaitu Qarun ada diceritakan dalam al-Quran.

Ketika hidup susah, Qarun yang juga sepupu kepada Nabi Musa AS begitu rapat dengan baginda. Lelaki itu juga acap kali mengikuti pengajian baginda AS.

Sehingga pada suatu hari, Qarun meminta Nabi Musa supaya mendoaannya kaya. Walaupun terasa berat hati, namun setelah didesak berkali-kali, akhirnya Nabi Musa memohon kepada ALLAH SWT supaya sepupunya itu kaya.

Doa berkenaan dimakbulkan oleh-NYA. Qarun diberikan kekayaan yang luar biasa. Sungguhpun begitu, Qarun mula lupa diri dengan kesenangan, kekayaan dan dunia yang 'dikaburkan' di hadapannya.

Dia lupa kepada ALLAH sehingga kakan namanya dirakamkan sebagai penderhaka dalam al-Quran al-Karim hingga hari kiamat!

Ya, itu kisah benar sebagaimana yang diceritakan dalam kitab suci umat Islam. Sesungguhnya, lupa diri merupakan satu sikap yang diceca dalam Islam. Natjiah buruknya adalah kepada diri sendiri.

Sebagai makhluk ALLAH SWT, sewajarnya kita tidak melupakan asal-usul kejadian diri. Tiada hak kita untuk lupa diri. Sampai kiamat sekali pun, kita tetap hambar kepada YANG ESA.

Justeru, apakah bahayanya sikap lupa diri ini? Bagaimana untuk mengendalikan diri dari sifat mazmumah berkenaan?

Ujian ALLAH

Pendakwah, Ustaz Fauzi Mustafa berkata, sikap baik lupa diri, lupa daratan mahupun kacang lupukan kulit, semua itu merupakan sejenis penyakit negatif.

Hakikatnya, kata beliau, ALLAH SWT akan mengujii kita hidup di dunia yang fana ini sama ada senang atau susah. Ketahulah bahawa ujian kesusahan itu bukanlah bermaksud 'mendera' atau mempermain-mainkan hamba-hambanya.

"Akan tetapi, ALLAH sebenarnya hendak uji kita, siapakah antara hamba-NYA yang bersyukur ataupun kufur dalam apa jua keadaan."

"ALLAH SWT beri kesenangan dan kesusahan untuk menguji apakah hamba-NYA akan ingat ALLAH ataupun sebaliknya. Hanya ingat ALLAH saat (dalam keadaan) susah, ada hajat atau terserip, tetapi bila senang, lupa ALLAH dan lupa diri, padahal kita hanyalah hamba-NYA," katanya ketika dihubungi *Sinar Islam* baru-baru ini.

Mengulas penyebab manusia seringkali lupa diri apabila hidup senang, agamawan itu menjelaskan, perkara itu ada dijelaskan dalam al-Quran. Manusia sememangnya tidak tahan dengan dunia, kemewahan dan kesenangan kecuali orang yang benar-benar bermujahadah.

"ALLAH memberikan kita harta, namun bukan senang untuk kita bayar zakat dan

IKA disoroti lembaran sejarah, sikap lupa diri sudah ada dalam kalangan makhluk di muka bumi ini sejak beribu tahun lagi. Kisah insan yang bersikap demikian iaitu Qarun ada diceritakan dalam al-Quran.

Ketika hidup susah, Qarun yang juga sepupu kepada Nabi Musa AS begitu rapat dengan baginda. Lelaki itu juga acap kali mengikuti pengajian baginda AS.

Sehingga pada suatu hari, Qarun meminta Nabi Musa supaya mendoaannya kaya. Walaupun terasa berat hati, namun setelah didesak berkali-kali, akhirnya Nabi Musa memohon kepada ALLAH SWT supaya sepupunya itu kaya.

Doa berkenaan dimakbulkan oleh-NYA. Qarun diberikan kekayaan yang luar biasa. Sungguhpun begitu, Qarun mula lupa diri dengan kesenangan, kekayaan dan dunia yang 'dikaburkan' di hadapannya.

Dia lupa kepada ALLAH sehingga kakan namanya dirakamkan sebagai penderhaka dalam al-Quran al-Karim hingga hari kiamat!

Ya, itu kisah benar sebagaimana yang diceritakan dalam kitab suci umat Islam. Sesungguhnya, lupa diri merupakan satu sikap yang diceca dalam Islam. Natjiah buruknya adalah kepada diri sendiri.

Sebagai makhluk ALLAH SWT, sewajarnya kita tidak melupakan asal-usul kejadian diri. Tiada hak kita untuk lupa diri. Sampai kiamat sekali pun, kita tetap hambar kepada YANG ESA.

Justeru, apakah bahayanya sikap lupa diri ini? Bagaimana untuk mengendalikan diri dari sifat mazmumah berkenaan?

Ujian ALLAH

Pendakwah, Ustaz Fauzi Mustafa berkata, sikap baik lupa diri, lupa daratan mahupun kacang lupukan kulit, semua itu merupakan sejenis penyakit negatif.

Hakikatnya, kata beliau, ALLAH SWT akan mengujii kita hidup di dunia yang fana ini sama ada senang atau susah. Ketahulah bahawa ujian kesusahan itu bukanlah bermaksud 'mendera' atau mempermain-mainkan hamba-hambanya.

"Akan tetapi, ALLAH sebenarnya hendak uji kita, siapakah antara hamba-NYA yang bersyukur ataupun kufur dalam apa jua keadaan."

"ALLAH SWT beri kesenangan dan kesusahan untuk menguji apakah hamba-NYA akan ingat ALLAH ataupun sebaliknya. Hanya ingat ALLAH saat (dalam keadaan) susah, ada hajat atau terserip, tetapi bila senang, lupa ALLAH dan lupa diri, padahal kita hanyalah hamba-NYA," katanya ketika dihubungi *Sinar Islam* baru-baru ini.

Mengulas penyebab manusia seringkali lupa diri apabila hidup senang, agamawan itu menjelaskan, perkara itu ada dijelaskan dalam al-Quran. Manusia sememangnya tidak tahan dengan dunia, kemewahan dan kesenangan kecuali orang yang benar-benar bermujahadah.

"ALLAH memberikan kita harta, namun bukan senang untuk kita bayar zakat dan



USTAZ FAUZI



USTAZ MOHD FARID

menderma kerana kita merasakan (kekayaan) yang kita ada itu adalah (hasil) usaha kita dan milik kita.

"Ini merupakan masalah hati. Bila senang, syaitan akan berbisik; 'Kenapa kamu dah senang nak tolong orang? Masa susah dulu, ada orang tolong kamu?'. Jelasnya.

Rasulullah SAW bersabda: "Seandainya manusia diberi lembah penuh dengan emas, maka ia masih menginginkan lembah yang kedua semisal itu. Jika diberi lembah kedua, ia puas masih menginginkan lembah ketiga. Perut manusia tidak akan penuh melainkan dengan tanah (mati dalam kubur). ALLAH tentu menerima taubat bagi siapa saja yang bertaubat." (Riwayat al-Bukhari)

Bermujahadah

Justeru, Ustaz Fauzi mengingatkan kita agar bermujahadah bagi mengekang sifat negatif berkenaan. Mujahadah adalah melawan perkara-perkara yang negatif dalam diri.

"(Ingatlah) Tuhan beri kepada kita kesenangan, kemewahan, kekayaan dan keduriuan untuk kita berkongsi dengan hamba-hamba ALLAH yang lain. ALLAH tidak suruh kita 'makar' berseorang-sing, tetapi menzahirkan."

"Zahirkanlah dengan mengeluarkan zakat dan jangan sorokkan (kekayaan tadi) atau rasa takut terkurangnya harta atau jatuh miskin. Mujahadah ini termasuklah dalam mengawal hawa nafsu dan sebagainya serta istiqamah, barulah kita akan ingat ALLAH pada setiap waktu sama ada susah atau senang," jelasnya.

Beliau turut mengambil contoh sikap para sahabat Nabi Muhammad SAW seperti Abdul Rahman bin Auf dan isteri baginda, Saidatina Khadijah binti Khawailid yang kaya, tetapi tidak bersikap lupa diri.

Ustaz Fauzi mengingatkan bahawa siapa yang lupa dirinya hamba ALLAH, mereka akan keseorangan pada hari akhirat nanti.



DISKUSI

"Beginit juga apabila kita hidup di dunia ini kaya tetapi tidak berkongsi dengan orang lain, orang pun akan lupakan kita. Sudahlah berdosa tidak bayar zakat, tidak berhubung dan tak berbuat baik pula dengan orang, maka kita sendiri seolah-olah sempitkan ruang untuk mendapat pahala," jelasnya.

Beliau menitipkan pesan agar jangan sekali lupa kepada orang yang banyak berjasa sekalipun kita sudah kaya dan hidup senang.

Hati itu termasuklah ibu bapa, adik-beradik, jiran, rakan kerja dan guru kita.

"Kita kena ingat, semua kesenangan itu datang daripada ALLAH. Bila-bila masa sahaja ALLAH boleh turut balik nikmat berkenaan.

"Mungkin hari ini kita kaya, tetapi esok kita miskin. Jangan terlalu yakin dan lupa diri sehingga melupakan ALLAH kerana pada hari akhirat kelak, kita memerlukan pertolongan-NYA," terangnya.

Tidak menyanggah sunah alam

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berkata, segala kesenangan dan kejayaan yang dikecapai dalam hidup datangnya daripada pemberian ALLAH SWT.

"Ya, benar kita berusaha, tetapi kalau ALLAH tidak izinkan, kita tak akan dapat apa yang dikehendaki pada hari ini. Syukur perlu ada dalam diri supaya kita dapat melaksanakan tanggungjawab kepada ALLAH.

"Jangan lupa bahawa ada Tuhan yang berikan nikmat tersebut. Sedianya Tuhan memerhatikan bagaimana seseorang membela jalan kesenangannya, menguruskan kekayaan dan kemewahan yang dimiliki.

"Ia bertepatan dengan apa yang disarankan oleh para ulama. Imam al-Ghazali menyebut bahawa maksud bersyukur adalah menggunakan nikmat

ALLAH pada jalan yang ALLAH suka seperti mengeluarkan zakat dan sebagainya," katanya kepada *Sinar Islam*.

Beliau turut menegur sikap segelintir masyarakat yang adakalanya lebih mengagungkan usaha yang dilakukan apabila mendapat kurniahan ALLAH.

Sebilangan masyarakat gemar mengungkapkan frasa: "Saya yang usa. Saya bangun pagi, pergi kerja, saya turun dan naik pejabat. Saya kena itu, saya kena ini, semua itu saya latu."

Begitupun, agamawan itu menjelaskan, segala usaha yang dilakukan seseorang individu sehingga membuatkan hasil membuktikan bahawa ALLAH SWT tidak pernah menyanggah sunah alam.

"Siapa yang kerja keras, bersungguh-sungguh, maka dia akan mencapai kejayaan. Sebab itu kejayaan ini ALLAH tak pilih untuk orang Islam sahaja. Orang bukan Islam pun Tuhan bagi," kata beliau.

Kepada satu soalan, Ustaz Mohd Farid

berkata: "Bukan mudah hendak menyedarkan manusia yang lupa kepada ALLAH SWT. Mereka merasakan apa yang ada pada hari ini adalah atas dasa usaaha sendiri. Dia tidak nampak ada unsur-unsur taufik ataupun pemberian daripada ALLAH.

"Jadi, golongan ini perlu insaf. Ulama menyebut bahawa orang kaya yang bersyukur itu lebih baik daripada orang miskin yang bersabar.

"Ini kerana orang kaya yang bersyukur, mereka tahu guna wana dan kekayaan masing-masing seperti bina masjid, tolong anak yatim dan lain-lain. Orang itu lebih disukai ALLAH daripada orang miskin yang sabar," katanya.

Mengakhiri perkongsian ilmunya, beliau berkata, sabar itu besar pahalanya.

"Akan tetapi, sabar itu hanyalah untuk diri sendiri. Tapi, kekayaan yang disyukuri oleh seseorang adalah untuk dia dan masyarakat," katanya.



BERBUAT baiklah dan bantu orang yang berhampiran dengan kita jika mereka memerlukan pertolongan.

Pedoman Hari Ini

"Seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain umpama sebuah bangunan yang saling menguatkan antara satu sama lain." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

ANEKDOT

FAKTOR lupa diri:

1. Lupa kekayaan yang dimiliki adalah milik ALLAH SWT

• Ketahuilah bahawa segala kekayaan yang dimiliki adalah pinjaman semata-mata. ALLAH SWT boleh mengambilnya pada bila-bila masa.

2. Orang sekelling tidak mengingatkan

• Seandainya orang di sekelling sama ada rakan atau sesiapa sahaja yang berhampiran kita mempunyai perangai lebih kurang dengan diri kita, maka tidak hairanlah kita boleh jadi lupa diri.
• Sebaiknya pilihlah rakan yang baik, tidak lupa diri walaupun kaya.

3. Lemah pegangan agama

• Pegangan agama penting sebagai benteng kepada diri.

Bahaya lupa diri:

- Akan selalu berasa tidak cukup.
- Hidup dalam dunia ketamakan dan hilang sifat syukur.
- Di akhirat kelak, tidak banyak manfaat diperolehnya walaupun kekayaannya melimpah-ruah di dunia jika tidak membantu orang lain

Sumber: Pensyarah Kanan Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah



ALLAH SWT memberi kesenangan dan kesusaahan untuk menguji sama ada hamba-NYA mengingati-NYA ataupun sebaliknya.

Penyakit kejar keseronokan hidup di dunia

USTAZAH SITI FATAIHAYAH



MERASAKAN diri terlalu hebat daripada orang lain merupakan punca utama seseorang itu lupa diri sehingga terlupa tujuan dirinya diciptakan oleh ALLAH SWT.

Halikatnya, segala nikmat yang dikenakan itu datang daripada-NYA. Demikian kata Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Ustazah Siti Fataihayah Mahmood.

Jelas beliau, sifat lupa diri berlaku tanpa perasaan bersalah, walau sedikit pun. Akibatnya, seseorang itu lupa tujuan dia diwujudkan di dunia dan destinasi pengakhiran hidupnya nanti.

"Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasulullah SAW ada menyebut berkaitan penyakit wahan yang akan melanda umat akhir zaman iaitu penyakit cintakan dunia dan takutkan kematian. Bahayanya orang yang lupa diri itu bukannya takutkan kematian, tetapi dia terlupa bahawa satu hari nanti akan mati dan meninggalkan segala kehebatan dan nikmat yang dimilikinya di dunia ini.

"Bahkan, orang yang lupa diri ini langsung tidak bimbang kesan lupaan ALLAH SWT kerana merasakan dia masih mampu bernafas dan menjalani

kehidupan di dunia ini sambil menunjukkan kehebatan kuasa dan nikmat yang dimilikinya," katanya menerusi e-mel kepada *Sinar Islam*.

Mengulas lanjut tentang bahaya sikap lupa diri, tambah Ustazah Siti Fataihayah, individu berkenaan bukan sahaja tertipu dengan dirinya sendiri, tetapi sering memandang rendah kepada orang di sekelling.

Justeru, beliau mengingatkan agar tidak bersikap sedemikian. Katanya, lupa diri, sombang dan lahai merupakan penyakit tiga serangkai yang amat bahaya yang boleh 'berjangkit' dan menjadi lebih parah jika tidak diawal dan dirawat.

Ujar beliau, ia merupakan penyakit mengejar keseronokan hidup di dunia dengan kehebatan kuasa, kekayaan dan segala nikmat. Justeru sebelum terlewati, bertaubatlah atas segala dosa yang telah dilakukan.

"Janganlah kejahatan dibalas kejahatan. Apalah kudrat yang kita ada untuk membalaunya. Serah sahaja pada kuasa YANG MAHA KAYA.

"Sebagai manusia yang diciptakan, buatlah kerja kita dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah. Usah rebut tugas ALLAH dalam membalaus segala kejahatan atau menentukan segala hukuman. Jangan lupa kuasa ALLAH adalah amat luar biasa dalam memberikan segala anugerah atau pembalasan," jelas beliau.



Sokongan kewangan wabak Covid-19

SAMBUNGAN SEMALAM



NIK NAZMI NIK AHMAD

Doktor, jururawat – dan pesakit – layak mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Sistem kesihatan yang ada pada hari ini adalah akibat pengabuan sejak lama kerana kurangnya pelaburan serta ketirisan.

Pertama, kerajaan mestи membina hospital sementara untuk meningkatkan jumlah katil, klinik untuk meningkatkan ujian harian, dan pusat kesihatan kecemasan.

Peningkatan pengeluaran peralatan dan ubat penting, selain menubuhkan perkhidmatan sokongan untuk mereka yang kehabisan makanan, tiada tempat tinggal dan yang paling berisiko.

Kita mungkin tidak suka idea merawat pekerja asing dan pelarian seperti rakyat Malaysia tetapi pandemik tidak mengenal kad pengenalan. Tidak merawat mereka bermakna risiko kepada rakyat Malaysia juga meningkat.

Sama seperti menghadapi perang,

ia bermaksud mengerahkan tentera untuk membersihkan hab pengangkutan, sekolah, rumah ibadah dan tempat awam kritikal yang lain.

Kedua, kita perlu memudahkan orang untuk duduk di rumah seperti melaksanakan penangguhan hutang jangka pendek (termasuk pinjaman perusahaan kecil dan sederhana dan pinjaman gadai janji) dan menangguhkan bil utiliti untuk B40, seperti yang dilakukan oleh sesetengah negara Eropah.

Kerajaan juga perlu menyediakan sokongan pendapatan dengan meluaskan sistem insurans pekerjaan dan keselamatan bekalan makanan.

Dalam masa krisis seperti ini, tiada siapa yang patut menjadi gelandangan kerana ketidakupayaan mereka untuk memenuhi keperluan sewa bulanan.

Malah, mereka yang kehilangan tempat tinggal akan memperbesarkan penyebaran pandemik dan mengeruhkan keadaan untuk kelompok yang paling berisiko.

Penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR) perlu mendapatkan moratorium atau jumlah pengampunan hutang untuk sewa yang berlebihan akibat krisis Covid-19 ini.

Keutamaan lain adalah menyedia-

Dalam masa krisis seperti ini, tiada siapa yang patut menjadi gelandangan kerana ketidakupayaan mereka untuk memenuhi keperluan sewa bulanan.”

kan sokongan wang tunai kecemasan kepada isi rumah. Ini boleh menjadi dalam bentuk memperluaskan Bantuan Sara Hidup, sokongan upah bagi perusahaan kecil dan sederhana yang menjadi tulang belakang ekonomi kita, memperluaskannya Skim Insurans Pekerjaan, bahkan melihat satu bentuk *universal basic income*.

Langkah yang paling radikal ialah *helicopter money* iaitu melalui pembayaran suntikan fiskal atau pemindahan melalui pengembangan kewangan. Ini adalah pengembangan langsung tunai yang lebih sesuai untuk era kadar faedah dan inflasi rendah seperti hari ini.

Memanglah diakui akan wujud sedikit kesan kepada penyata imbang-an Bank Negara.

Hong Kong sudah berbuat demikian. Selepas kesenjangan ekonomi menjadi semakin serius terutamanya perumahan yang mahal telah menceutskan rusuhan besar-besaran, berlakunya wabak Covid-19 di China telah menyebabkan gangguan besar terhadap ekonomi wilayah Hong Kong.

Sebulan yang lalu, kerajaan Hong Kong telah mengumumkan wang tunai sebanyak HK\$10,000 (kira-kira RM5,700) untuk setiap penduduk dewasa.

Ada peringatan daripada beberapa pengurusan bank dan kakitangan awam mengenai kesan langkah itu terhadap kepada defisit kita.

Namun negara-negara yang mengalami krisis yang belum pernah terjadi seperti perang sentiasa terpaksa mengambil hutang besar untuk mengatasi keadaan ekonomi yang sukar.

*Nik Nazmi Nik Ahmad ialah Ketua Setiausaha Pengelola Keadilan dan Ahli Parlimen Setiawangsa. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri dan sebelum ini merupakan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Belanjawan



27 Mar 2020

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 140,000 • Page: 28
Printed Size: 145.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 3,074.00 • Item ID: MY0039165995

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



Anggota MDKS melakukan semburan disinfeksi Covid-19 di sebuah pasar awam di Kuala Selangor kelmarin.

Lima pasar awam di Kuala Selangor jalani semburan disinfeksi

KUALA SELANGOR - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) melakukan semburan disinfeksi Covid-19 di lima pasar awam di daerah Kuala Selangor bermula kelmarin sebagai langkah mengelak jangkitan virus berkenaan di kawasan tumpuan.

MDKS melalui kenyataannya memaklumkan, pasar awam terbabit ialah di Sungai Buloh, Ijok, Bestari Jaya, Tanjung Karang dan Pasir Penambang.

Menurut kenyataan itu, langkah itu juga diharap dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai penjagaan kebersihan persekitaran.

“Semua pasar basah itu disembur secara berjadual bagi memastikan kawasan itu bersih dan selamat,” kata kenyataan itu di sini semalam.



27 Mar 2020

The Star, Malaysia

Author: Kuala Lumpur • Section: Metro • Audience : 175,986 • Page: 1,4
Printed Size: 739.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 37,334.10 • Item ID: MY0039166918

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



NO DECISION YET

Local authorities are taking a wait-and-see stance over the Ramadan bazaar question, saying they will follow directive from the Selangor and Federal governments. >4

27 Mar 2020

The Star, Malaysia

Author: Kuala Lumpur • Section: Metro • Audience : 175,986 • Page: 1,4
Printed Size: 739.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 37,334.10 • Item ID: MY0039166918

PEJATAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektaohongkor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Varieties of traditional kuih is a sight to behold every Ramadan. (Right) Large group of shoppers at the Jalan Raja bazaar in Kuala Lumpur last year. — Filepics



Stories by EDWARD RAJENDRA,
BAVANI M, JADE CHAN, VIJENTHI NAIR
and BRENDA CHG
metro@thestar.com.my

TRADERS who rely on Ramadan bazaars to earn extra income, are on tenterhooks.

This is because local governments in Kuala Lumpur and Selangor have yet to make a decision on the bazaars' fate following the extension of the movement control order (MCO) until April 14.

All local councils told *StarMetro* that they were awaiting further instructions from the state and Federal governments.

The Selangor government, meanwhile, has stated that it will look to National Security Council for directives before making a decision.

Ramadan is expected to start April 24, subject to the sighting of the moon.

Fate of Ramadan bazaars uncertain

Klang Valley local authorities waiting for National Security Council's decision

Kuala Lumpur

A Federal Territories Ministry source said minister Tan Sri Annuar Musa and Kuala Lumpur mayor Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan were still in discussion over the matter and that the general sentiment was that there might not be any bazaar this year.

"They are trying to weigh the pros and cons. In view of the fact this is a security issue, it is most likely going to be a no-no."

"Following the announcement of the MCO extension, we do not know how things are going to be after that but we have to be prepared for anything," added the source.

Every year, DBKL designates over 50 locations in the city with more than 4,000 trading lots for Ramadan bazaars.

Yesterday, Annuar announced that the government would provide a one-off payment of RM500 each to some 23,617 traders - totalling RM11.8mil - in Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan to ease their burden during this challenging time.

